

28 JAN 2002

MAHATHIR-UTAMA/I

BANK UTAMA DIBERI MASA TERHAD UNTUK BINCANG PENGGABUNGAN DENGAN RHB

KUALA LUMPUR, 28 Jan (Bernama) -- Bank Utama Bhd, satu-satunya bank yang masih belum bergabung dengan mana-mana 10 bank teras di bawah langkah penggabungan industri perbankan negara, telah diberi tempoh lanjutan untuk cadangan penggabungan dengan RHB Bank.

Sementara rundingan antara keduanya dikatakan gagal minggu lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata: "Nampaknya Utama kini telah kembali (ke meja rundingan), berharap untuk untuk menyelesaikan niaga janji itu."

Bercakap pada sidang media selepas melancarkan kempen "Sehari Bersama Pelanggan" Kementerian Kewangan, di sini, beliau berkata atas alasan itulah kerajaan memberikan lanjutan masa bagi Bank Utama untuk mencapai persetujuan urus niaga berkenaan.

Semasa ditanya untuk mengesahkan laporan bahawa Bank Utama telah diberikan masa sehingga Jumaat untuk menyelesaikan perbincangan penggabungan itu, Dr Mahathir berkata: "Tarikh sebenar saya tidak tahu tetapi saya tahu ia telah diberikan sedikit masa, bukan enam bulan tetapi sedikit masa."

Pada Selasa lepas, Dr Mahathir berkata lesen perbankan Bank Utama akan dibatalkan sekiranya ia tidak dapat mencari rakan untuk bergabung menjelang Jun ini.

RHB Bank dimiliki 70 peratus oleh RHB Capital Bhd, yang dikuasai oleh Rashid Hussain Bhd (RHB).

Kumpulan perbankan Utama, yang memiliki Bank Utama merupakan 51 peratus unit Cahya Mata Sarawak Bhd, kumpulan yang berpangkalan di Sarawak.

Sebelum RHB Bank, Bank Utama telah gagal dalam rundingan penggabungan dengan unit perbankan AMMB Holdings dan Edaran Otomobil Nasional (EON). --

BERNAMA

MAD SEL NHD